# Kelebihan Salawat

Allah berkata dalam Al-Qur'an:

{إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا}

**«Sesungguhnya Allah dan para mala'ikat-Nya bersalawat ke atas Nabi itu, wahai orang-orang yang beriman, bersalawatlah ke atasnya dan bersalamlah dengan salam»** [Al-Ahzab: 56].

Daripada Abi Hurayrah, dia berkata: Berkata Rasulu Llah:

**«Sesiapa bersalawat ke atas saya dengan satu salawat, Allah bersalawat ke atasnya dengannya dengan sepuluh»** [At-Tirmizi/ 485, hadis Abi Hurayrah hasan sahih].

*Siri Bacaan Salat*

## Ruku` & Sujud

سُبُّوحٌ قُدُّوسٌ رَبُّ الْمَلَائِكَةِ وَالرُّوحِ

*Subbuhun quddusun rabbu l-mala'ikati war-ruh.*

**«Yang Dipuji, Yang Suci, Tuhan para mala'ikat dan Ar-Ruh»** [Muslim/ 490].

*Siri Bacaan Salat*

## Ruku` & Sujud

سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ رَبَّنَا وَبِحَمْدِكَ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي

*Subhanaka Llahumma wabihamdika, Allahumma ghfir li.*

**«Maha Suci Kamu ya Allah Tuan kami dan dengan kepujian-Mu, Ya Allah ampunkan untuk saya»** [Al-Bukhariy/ 817] [Al-Bukhariy/ 4293] [Al-Bukhariy/ 4968] [Muslim/ 484].

Dalam hadis yang lain, Nabi berkata:

**«Sesiapa bersalawat ke atas saya sekali, Allah bersalawat ke atasnya dengan sepuluh»** [Muslim/ 410].

**«Sesiapa bersalawat ke atas saya dengan satu salawat, Allah bersalawat ke atasnya dengan sepuluh salawat, dan Dia menghilangkan daripadanya sepuluh kesalahan»** [Ahmad/ 11587 & 13343, hadis sahih, isnadnya hasan] .

مَنْ صَلَّى عَلَيَّ صَلَاةً وَاحِدَةً، صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ عَشْرَ صَلَوَاتٍ، وَحُطَّتْ عَنْهُ عَشْرُ خَطِيئَاتٍ، وَرُفِعَتْ لَهُ عَشْرُ دَرَجَاتٍ

**«Sesiapa bersalawat ke atas saya dengan satu salawat, Allah bersalawat ke atasnya dengan sepuluh salawat, dan dihilangkan daripadanya sepuluh kesalahan, dan diangkat baginya sepuluh darjat»** [An-Nasa'iy/ 1297, sahih].

Nabi pernah mencela sesiapa yang tidak bersalawat apabila disebut namanya. Kata Nabi:

الْبَخِيلُ الَّذِي مَنْ ذُكِرْتُ عِنْدَهُ فَلَمْ يُصَلِّ عَلَيَّ

**«Yang bakhil (kedekut) itu, ialah sesiapa yang disebutkan saya di sisinya, tetapi dia tidak bersalawat ke atas saya»** [At-Tirmizi/ 3546, hadis ini hasan sahih gharib].

Projek diketuaï oleh, **Mohd `Adlan bin Mohd Shariffuddin**, Panel Hadis www.al-fikrah.net
dengan kerjasama panel-panel dan warga AFN. Edisi PDF boleh dicapai di http://ad-diyari.com/fail_htm/penerbitan.htm

FORUM KOMUNITI ONLINE al-fikrah.net
al-firqatu an-naajiah الفرقة الناجية
MESTI KLIK!

# الإدراك Al- Idrak

RISALAH BULANAN AL-FIRQATU AN-NAAJIAH * www.al-fikrah.net * BIL 2/ 2010 * FEBRUARI

## LIHATLAH SIAPA YANG ANDA KAWANI

Setiap antara kita mempunyaï kawan. Marilah kita lihat apa pandangan Islam tentang kawan. Nabi berkata:

**«Sesungguhnya perumpamaan teman yang baik dan teman yang jahat ialah seperti pembawa minyak wangi dan peniup dandang besi. Maka pembawa minyak wangi, sama ada ia menurut kamu, dan sama ada kamu akan membeli daripadanya, dan sama ada kamu akan mendapati daripadanya suatu bau yang sedap. Dan peniup dandang besi, sama ada ia akan membakar baju kamu, dan sama ada kamu mendapati suatu bau yang busuk»** [Muslim/ 2631].

**«Perumpamaan teman yang baik dan teman yang jahat ialah seperti pemilik minyak wangi dan dandang tukang besi. Tidak merugikan kamu daripada pemilik minyak wangi, sama ada kamu membelinya, atau kamu mendapati baunya. Dan dandang tukang besi, ia membakar badan kamu atau baju kamu, atau kamu mendapati daripadanya suatu bau yang busuk»** [Al-Bukhariy/ 2101].

Hadis di atas jelas menunjukkan bahawa seseorang kawan akan mempunyaï kesan dan pengaruh ke atas rakannya yang lain, sama ada kesan baik atau kesan buruk. Dan ia juga satu petunjuk daripada Nabi bahawa kawan yang jahat akan mencelakakan kawannya.

Hadis berikut lebih jelas menunjukkan saranan Nabi dalam persoalan memilih kawan:

**«Seseorang lelaki itu adalah di atas agama kawannya, maka hendaklah seseorang daripada antum melihat siapakah yang dikawaninya»** [Abi Dawud/ 4833, hasan] [At-Tirmizi/ 2378, hadis ini hasan gharib].

Berkawan bukan sahaja akan meninggalkan kesan kepada kawannya, malah berkawan dengan haiwan juga akan turut meninggalkan kesan kepada manusia. Kata Nabi:

**«Puncak kekufuran adalah dari sebelah Timur, dan kebanggaan dan kesombongan adalah pada ahli kuda dan unta, dan yang kasar bahasa ialah ahli bulu binatang, dan ketenangan ialah pada ahli kambing»** [Al-Bukhariy/ 3301].

Justeru, hendaklah kita memilih kawan yang baik, dan meninggalkan kawan yang jahat, sebelum kita menyesal di hari kemudian. Allah merakamkan penyesalan ini dalam ayat berikut:

{يَا وَيْلَتَى لَيْتَنِي لَمْ أَتَّخِذْ فُلَانًا خَلِيلًا * لَقَدْ أَضَلَّنِي عَنِ الذِّكْرِ بَعْدَ إِذْ جَاءَنِي وَكَانَ الشَّيْطَانُ لِلْإِنسَانِ خَذُولًا}

**«Hai celakalah! Kalaulah saya tidak mengambil si Fulan itu sebagai kawan! Sesungguhnya dia telah menyesatkan saya daripada peringatan, setelah ia mendatangi saya. Dan syaytan itu—terhadap insan—adalah sebagai pengabai»** [Al-Furqan: 28-29].

Rujukan:

1- أبي عبد الله مصطفى بن العدوي (1423هـ/2003م). **الجليس الصالح والجليس السوء**. فارسكور: دار ابن رجب.

# MARI BERSALAWAT

Berikut ialah lafaz-lafaz salawat yang diriwayatkan dalam hadis-hadis sahih Al-Bukhariy dan Muslim:

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ.

*Allahumma salli `ala Muhammadin `abdika warasulik, kama sallayta `ala ali Ibrahim, wabarik `ala Muhammad, wa`ala ali Muhammad, kama barakta `ala Ibrahim* [Al-Bukhariy/ 4798]

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ.

*Allahumma salli `ala Muhammadin `abdika warasulik, kama sallayta `ala ali Ibrahim, wabarik `ala Muhammad, wa`ala ali Muhammad, kama barakta `ala ali Ibrahim* [Al-Bukhariy/ 4798]

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ، وَآلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ، وَآلِ إِبْرَاهِيمَ.

*Allahumma salli `ala Muhammadin `abdika warasulik, kama sallayta `ala Ibrahim, wabarik `ala Muhammad, wa'ali Muhammad, kama barakta `ala Ibrahim, wa'ali Ibrahim* [Al-Bukhariy/ 4798]

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ، وَآلِ إِبْرَاهِيمَ.

*Allahumma salli `ala Muhammadin `abdika warasulik, kama sallayta `ala Ibrahim, wabarik `ala Muhammad, wa`ala ali Muhammad, kama barakta `ala Ibrahim, wa'ali Ibrahim* [Al-Bukhariy/ 6358]

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّتِهِ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّتِهِ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

*Allahumma salli `ala Muhammadin wa'azwajihi wazurriyyatih, kama sallayta `ala ali Ibrahim, wabarik `ala Muhammadin wa'azwajihi wazurriyyatih, kama barakta `ala ali Ibrahim, innaka hamidun majid* [Al-Bukhariy/ 3369] [Al-Bukhariy/ 6360]

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ، وَعَلَى أَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّتِهِ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ، وَعَلَى أَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّتِهِ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

*Allahumma salli `ala Muhammad, wa`ala azwajihi wazurriyyatih, kama sallayta `ala ali Ibrahim, wabarik `ala Muhammad, wa`ala azwajihi wazurriyyatih, kama barakta `ala ali Ibrahim, innaka hamidun majid* [Muslim/ 410]

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ، اللَّهُمَّ بَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

*Allahumma salli `ala Muhammad, wa`ala ali Muhammad, kama sallayta `ala Ibrahim, wa`ala ali Ibrahim, innaka hamidun majid, Allahumma barik `ala Muhammad, wa`ala ali Muhammad, kama barakta `ala Ibrahim, wa`ala ali Ibrahim, innaka hamidun majid* [Al-Bukhariy/ 3370]

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ، اللَّهُمَّ بَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

*Allahumma salli `ala Muhammad, wa`ala ali Muhammad, kama sallayta `ala ali Ibrahim, innaka hamidun majid, Allahumma barik `ala Muhammad, wa`ala ali Muhammad, kama barakta `ala ali Ibrahim, innaka hamidun majid* [Al-Bukhariy/ 4797] [Al-Bukhariy/ 6357] [Muslim/ 409]

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ، وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

*Allahumma salli `ala Muhammad, wa`ala ali Muhammad, kama sallayta `ala ali Ibrahim, innaka hamidun majid, wabarik `ala Muhammad, wa`ala ali Muhammad, kama barakta `ala ali Ibrahim, innaka hamidun majid* [Muslim/ 409]

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

*Allahumma salli `ala Muhammad, wa`ala ali Muhammad, kama sallayta `ala ali Ibrahim, wabarik `ala Muhammad, wa`ala ali Muhammad, kama barakta `ala ali Ibrahim, fi l-`alamin, innaka hamidun majid* [Muslim/ 408]

al-firqatu an-naajiah
www.al-fikrah.net
KOMUNITI ONLINE